

2011/2015
ms 29

Tunggu DNA kepala

Polis tak mahu terburu-buru keluarkan sebarang kenyataan

Oleh Ardyhansah Amat dan Mohd Ruzaini Zulkepli
hmkk@hmetro.com.my
Kota Kinabalu

Polis akan menunggu keputusan ujian DNA terhadap kepala dan badan (tanpa kepala) yang ditemui pihak berkuasa Filipina, awal minggu ini sebelum membuat sebarang kenyataan berhubung kematian warga Malaysia, Bernard Then Ted Fen, 39, yang dikatakan dipenggal penculik, Selasa lalu.

Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, pihaknya tidak mahu terburu-buru mengeluarkan sebarang kenyataan mengenai perkara itu sehingga padanan DNA selesai dilakukan.

“Ketika ini, kami sedang berusaha mendapatkan

sampel DNA daripada keluarga mangsa yang tinggal di Malaysia dan akan diserahkan kepada pihak berkuasa Filipina.

“Berdasarkan kemajuan teknologi hari ini, keputusan DNA tidak akan mengambil masa lama, namun perlu bergantung kepada kerjasama daripada pihak berkuasa Filipina untuk menyerahkan sampel DNA pada mayat yang ditemui mereka,” katanya pada sidang media selepas menyampaikan Majlis Penghargaan Pingat Kedaulatan Negara di Hotel Tabung Haji, semalam.

Turut hadir, Pengarah Cawangan Khas Bukit Aman Datuk Seri Mohamad Fuzi Harun dan Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Jalaluddin Abdul Rahman.

Menurut Khalid, beliau ju-



ga akan menghubungi rakan sejawatnya di Filipina termasuk mengadakan kunjungan rasmi dalam masa terdekat bagi menangani masalah berkenaan dengan segera.

“Semua urusan berkaitan akan dipercepatkan dan kita tunggu sehingga pengesahan rasmi hasil ujian DNA itu. Bagaimanapun, saya

“Semua urusan berkaitan akan dipercepatkan dan kita tunggu sehingga pengesahan rasmi hasil ujian DNA itu”

Khalid Abu Bakar

berharap supaya semua pihak tidak membuat sebarang spekulasi kerana kita juga perlu faham perasaan ahli keluarga mangsa,” katanya.

Terdahulu dalam kejadian jam 4.30 petang kelmarin itu, badan tanpa kepala terbabit ditemui ditanam di Barangay Kagay, Idanan, Sulu, 30 kilometer dari lokasi kepala ditemui berhampiran Dewan Perbandaran Marina Street, Jolo.